

20 NOV 2001

Pairin-Keikhlasan

TINDAKAN KAMI AKAN MEMBUKTIKAN KEIKHLASAN KAMI, KATA PAIRIN

KOTA KINABALU, 20 Nov (Bernama) -- Kata-kata sahaja tidak memadai untuk menunjukkan keikhlasan kata Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan mengenai tindakan parti itu menyertai semula Barisan Nasional (BN).

"Kata-kata sahaja mungkin tidak memadai. Dalam sejarah, banyak kali kita telah menyaksikan perkara-perkara yang dinyatakan dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh mereka yang menjanjikan kesetiaan mereka dan sokongan, tetapi mereka berpaling tadah.

"Saya rasa saya tidak dapat memberi jawapan memuaskan kepada soalan-soalan itu (mengenai kesetiaan) dalam perkataan tetapi saya berharap apabila tiba masanya, tindakan kita akan menunjukkan kesetiaan yang mereka mahukan," kata Pairin kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini, selepas pulang dari Kuala Lumpur.

Pairin pulang ke Sabah selepas beliau sendiri pada Khamis lepas menyampaikan permohonan rasmi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN untuk menyertai semula perikatan itu. Beliau diiringi oleh timbalan presiden parti itu Dr Maximus Ongkili.

Menjawab pertanyaan sama ada PBS telah menjanjikan kesetiannya kepada BN, Pairin berkata: "Saya tidak tahu dalam aspek mana yang mereka bercakap mengenai tetapi saya dengan ikhlas mahu menyatakan kesetiaan saya dan kesetiaan parti saya kepada negara dan akan menjalankan tanggungjawab yang sepatutnya sebagai anggota parti dan rakyat negara ini."

Ditanya mengenai respons baik daripada semua 13 parti komponen BN terhadap permohonan PBS untuk menyertai semula perikatan itu, Pairin berkata beliau menghargai sokongan mereka.

"Itu petunjuk baik dan saya sangat menghargai segala sokongan yang diberikan. Saya tahu ada sedikit keraguan dan kenyataan-kenyataan tetapi itu semua berhubung perkembangan sebelumnya yang saya boleh faham," kata beliau.

PBS merupakan parti komponen BN untuk lebih kurang lima tahun sehingga ia meninggalkan perikatan itu sehari sebelum pilihan raya umum 1990 dan kemudian berganding dengan Parti Melayu Semangat 46 yang kini terkubur.

Ditanya mengenai maklumat balas daripada akar umbi mengenai keputusan parti itu untuk menyertai semula BN, beliau berkata respons adalah baik mereka menyokong tindakan itu.

Mengenai pendapat yang perkembangan terbaru ini akan mengosongkan barisan pembangkang di negeri itu dan sama ada keadaan seperti itu adalah baik bagi Sabah, bekas Ketua Menteri itu berkata walaupun dalam BN, PBS masih boleh menyuarakan pendapatnya.

"Kalau kita lihat perkembangan sejak beberapa bulan ini, kita sudah nampak bahawa dalam BN pun parti komponen boleh bersuara. Ini bererti ada ruang untuk kita bersuara dan tidak pula bermakna kita masuk dalam BN mulut semua sudah tutup," katanya.

Beliau yakin yang BN dan kerajaan menghargai pendapat membina daripada parti-parti komponen BN.

"Justeru itu kita tidak berasa bahawa kita akan tersekat dalam peranan kita untuk membantu kerajaan dalam perkara yang memerlukan sumbangan daripada parti," kata beliau.

"Saya rasa setiap orang mempunyai tanggungjawab masing-masing dan kami berharap dapat menyumbangkan bahagian kami dan ini bermakna kami perlu berusaha gigih.

Ditanya bila beliau menjangka dapat mengetahui keputusan permohonan parti itu, Pairin berkata: "Saya tidak tahu bila BN akan mengadakan mesyuarat itu."

-- BERNAMA

JS JS PR